

# Tiga sayap UMNO minta ahli tidak hadiri ceramah Dr. M

KANGAR 3 Ogos - Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO Bahagian Padang Besar menasihatkan ahlinya agar tidak menghadiri program ceramah Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dijadualkan di Beseri pada 26 Ogos ini.

Ketiga-tiga sayap tersebut berpendapat, program itu tidak sesuai diadakan ketika ini kerana khuatir pihak tertentu mengambil kesempatan untuk kepentingan politik mereka termasuk di kalangan parti pembangkang.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Padang Besar, Mohd. Noor Aziz berkata, secara rasminya ketiga-tiga sayap tersebut tidak tahu-menahu tentang program berkenaan kerana jawatankuasa UMNO bahagian tidak pernah membincangkannya.

"Kami menghormati bekas Perdana Menteri itu tetapi berpendapat program berkenaan tidak sesuai dengan keadaan politik semasa," katanya yang mewakili ketiga-tiga sayap itu pada sidang akhbar yang turut dihadiri Ketua Puteri Padang Besar, Asmaiza Ahmad di sini hari ini.